

KERAJAAN KAJI UNTUK ROMBAK SISTEM — PM

Pengurusan FELDA gagal bawa untung

UM 26 JAN 1990

KUALA LUMPUR 25 Jan. — Kerajaan sedang mengkaji punca kegagalan pengurusan FELDA membawa keuntungan seperti yang diperolehi oleh syarikat - syarikat perladangan swasta meskipun kos pentadbiran agensi itu ditanggung oleh kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menegaskan demikian berkata, kerajaan juga sedang mengkaji untuk merombak sistem pengurusan FELDA yang dianggap tidak cekap dan gagal mengurangkan kos pengeluaran.

Beliau berkata, kajian itu juga bagi membolehkan kerajaan mencari sebab - sebab mengapakah selama ini kos pengeluaran kedua - dua hasil komoditi itu terlalu tinggi jika dibandingkan dengan sektor swasta.

Katanya, kegagalan melihat kelemahan sendiri dan mencari jalan untuk memaksimumkan usaha mungkin merupakan punca awal

LIHAT MUKA 2

Gagal bawa untung

UM 26 JAN 1990

pada masalah tersebut.

"Yang jelas, dalam sektor swasta jika kos pengeluaran kelapa sawitnya untuk satu tan cuma \$400 mengapa pula FELDA sampai \$600," kata Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan para wartawan mengenai cadangan kajian tersebut di sini pagi ini.

Ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat agung dwi tahunan Persatuan Kebangsaan Pekebun - Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) di bangunan RISDA menambah kata, kajian yang sedang dijalankan itu akan mengemukakan syor tidak lama lagi.

Sementara itu, dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, tidaklah dapat dinafikan bahawa FELDA berjaya dalam mendapatkan hasil jika dibandingkan dengan pekebun kecil.

Malangnya, kata beliau, FELDA kurang cekap kerana tidak dapat mengurangkan kos pengeluaran serta menambah hasil sama banyak dengan sektor swasta.

Kata beliau, ini tidak seharusnya berlaku kerana pembentukan FELDA adalah mengikut model pengurusan ladang - ladang swasta.

"Walaupun kerajaan telah memperuntukkan \$100 juta untuk pengurusannya namun masih juga jauh ketinggalan dari segi pengurusan dengan pihak swasta.

"Jadi kita mesti tanya apakah cara yang kita amalkan sekarang salah atau betul dan tentulah persoalan pokoknya berpunca dari ketidakcekapan mentadbir, tidak menjalankan susulan kerja sepertimana yang dilakukan oleh ladang - ladang swasta seperti United Plantation, umpamanya," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, FELDA sebagai agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab menguruskan ladang - ladang bukan swasta hendaklah menjadi cekap dan berfikir seperti pengurus - pengurus ladang swasta.

Mengenai rungutan pekebun - pekebun kecil, Datuk Sri Dr. Mahathir menasihati mereka agar berusaha dengan lebih tekun.

"Jika ini tidak berlaku, kekayaan negara tidak dapat diagihkan kepada golongan yang memerlukannya," kata Perdana Menteri.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, jika Arab Saudi yang ketandusan tanah subur kini boleh menanam gandum mengapa pula Malaysia yang tanahnya subur lagi kaya tidak boleh mengusahakannya.

Beliau berkata, masalah pekebun kecil memang disadari tetapi soalnya mereka sekurang-kurangnya lebih beruntung dari orang yang tidak mempunyai tanah langsung.

"Jika wang menjadi persoalannya, kita kenalah fikir. Sekarang negara - negara Arab minta 9 juta ekor kambing biri - biri dan peluang ini hendaklah direbut oleh pekebun kecil.

"Kambing biri - biri tidak makan kulit pokok seperti kambing biasa, jika ada sedikit usaha melalui koperasi pekebun kecil umpamanya, usaha ini boleh dijalankan dan kerajaan boleh membantu mendapatkan kambing - kambing tersebut.

"Soalnya sekarang apakah kita mahu bekerja lebih sedikit atau mahu duduk di rumah sahaja," tanya Perdana Menteri.